

18/07/2004

4 menang tak bertanding (HL)

By Kadir Dikoh; Misiah Taib; Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Empat pemimpin Umno termasuk seorang muka baru masing-masing menang tanpa dicabar untuk jawatan dalam sayap Wanita dan Pemuda pada pemilihan di Perhimpunan Agung parti, September depan.

Mereka ialah Ketua Pergerakan Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Naib Ketuanya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil serta Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Hishammuddin Hussein dan Naib Ketuanya, Khairy Jamaluddin.

Sehingga jam lewat malam tadi, Hishammuddin yang juga Menteri Pelajaran menerima pencalonan daripada semua 182 daripada 191 bahagian Pemuda yang sudah bermesyuarat iaitu melepasi minimum 153 pencalonan, bagi membolehkannya menang tanpa bertanding.

Rafidah pula mendapat 179 pencalonan iaitu juga melepasi minimum 153 pencalonan, bagi melayakkannya menang tanpa bertanding.

Pencabar tunggalnya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, cuma mendapat tujuh pencalonan termasuk pencalonan dari Wanita bahagian Temerloh dan Kuala Langat, semalam.

Untuk melayakkan seorang bertanding jawatan Ketua Wanita atau Pemuda, memerlukan sokongan 39 bahagian. Dengan berbaki lima lagi bahagian Wanita yang keputusannya belum diketahui, Siti Zaharah sudah terkeluar.

Bagi Naib Ketua Wanita, Shahrizat mendapat pencalonan penuh daripada 186 bahagian yang sudah bermesyuarat setakat malam tadi. Bagi Naib Ketua, seseorang calon memerlukan sejumlah minimum 29 pencalonan.

Sementara itu, Khairy mendapat 172 pencalonan iaitu melepasi kuota minimum untuk menang tanpa bertanding.

Pencabar terdekatnya, Datuk Mukhriz Mahathir cuma mendapat tujuh pencalonan termasuk satu pencalonan dari Pemuda bahagian Petaling Jaya Utara semalam dan memerlukan 22 lagi pencalonan untuk melayakkannya bertanding. Bagaimanapun anak bekas Perdana Menteri itu sudah mengumumkan tidak akan menerima pencalonan untuk jawatan nombor dua dalam Pemuda kerana menumpu kepada pertandingan Exco Pemuda saja.

Hishammuddin ketika dihubungi berkata, beliau amat menghargai bahawa keputusannya untuk kekal dalam Pemuda mendapat sokongan penuh sayap itu di peringkat akar umbi.

"Bagi saya, apabila saya membuat keputusan untuk kekal, ia dibuat untuk kepentingan Pemuda. Itulah agendanya. Bukan senang untuk kita meletakkan Pemuda di laluan yang betul sekarang.

"Kita juga menyaksikan banyak muka baru dalam Pemuda. Oleh itu adalah penting wujudnya kesinambungan dan peralihan supaya keupayaan untuk meneruskan perjuangan dikekalkan," katanya.

Mengenai kedudukan Khairy, Hishammuddin berkata beliau sendiri melantiknya ke dalam Exco pergerakan itu sebelum ini tanpa mengetahui dia akhirnya mengahwini anak Perdana Menteri.

Katanya, pelantikan Khairy dibuat berdasarkan keupayaannya dan sumbangannya kepada Pemuda adalah besar termasuk membantu dalam pilihan raya kecil Lunas.

"Saya percaya, sokongan untuk Khairy berdasarkan keupayaannya untuk berinteraksi dengan pemuda di peringkat bawahan. Saya bersetuju sepenuhnya dengan Khairy bahawa beliau memerlukan masa untuk membuktikan kebolehannya.

mendapat kerjasama penuh daripada semua exco dan ahli di peringkat akar umbi.

"Saya juga berjanji akan bertugas dengan penuh amanah dan

bertanggungjawab terutama dalam menangani isu-isu wanita," katanya yang turut mengucapkan tahniah kepada Rafidah.

Khairy ketika dihubungi Berita Minggu pula turut mengucapkan terima kasih kepada semua bahagian mencalonkannya yang memberi kepercayaan penuh untuk beliau membantu Hishammuddin memimpin pergerakan itu.

"Saya rasa terharu dengan sokongan Pemuda pusat dan Pemuda bahagian. Saya anggap sokongan ini sebagai satu amanah dan tanggungjawab berat tetapi saya berazam untuk memantapkan lagi Pemuda Umno," katanya yang juga menantu kepada Perdana Menteri.

Ditanya sama ada beliau menjangka akan menang tanpa bertanding, Khairy berkata beliau sendiri sebelum ini pernah menyatakan kesediaan menghadapi pertandingan apabila menawarkan diri untuk jawatan Naib Ketua Pemuda itu.

"Saya tidak anggap akan menang tanpa bertanding. Tetapi saya menerima keputusan ini sebagai satu sokongan kepada Datuk Hishammuddin dan saya," katanya.

Rafidah tidak dapat dihubungi untuk ulasan manakala Hishammuddin pula berada di luar negara.

Dengan semua jawatan tertinggi dalam Wanita dan Pemuda dimenangi tanpa bertanding, tumpuan pada perhimpunan agung parti September nanti pastinya akan tertumpu kepada jawatan Naib Presiden, Majlis Tertinggi dan Puteri Umno.

Sayap bongsu Umno itu bakal menyaksikan saingan sengit apabila jawatan nombor satu dan dua menyaksikan pertandingan sengit. Untuk bertanding sebarang jawatan dalam Puteri, sistem kuota tidak diguna pakai dan cuma memerlukan dua pencalonan untuk layak.

Naib Ketua Puteri, Noraini Ahmad, yang jauh mendahului dengan menerima 145 pencalonan setakat semalam akan dicabar oleh Ketua Puteri Kedah, Suraya Yaakob, yang menerima 33 pencalonan setakat ini, untuk jawatan Ketua Puteri.

Bagi jawatan Naib Ketua Puteri, ia bakal menyaksikan pertandingan sekurang-kurangnya empat penjuru antara Ketua Puteri Sabah, Rosnah Abdul Rasid Sherlin, Ketua Puteri Negeri Sembilan, Bibi Sharliza Mohd Khalid, Ketua Puteri Wilayah, Azlinda Mohd Rashad dan Ketua Puteri Pahang, Shahaniza Shamsudin.

Rosnah dapat 88 pencalonan setakat semalam, diikuti Bibi (37), Azlinda (29) dan Shahaniza (24).

Pertandingan dalam sayap Puteri tidak dapat dielakkan berikutan kedua-dua penyandang jawatan Ketua dan Naib Ketuanya terpaksa melepaskan jawatan masing-masing atas faktor usia.

Datuk Azalina Othman Said terpaksa melepaskan jawatan Ketua Puteri kerana usianya sudah 41 tahun sedang had usia untuk jawatan itu ialah 40, manakala Noraini pula terpaksa meninggalkan jawatan Naib Ketua kerana sudah berusia 37 tahun, sedangkan had usia ahli Puteri ialah 35 tahun.

(END)